telekomunikasi telah menurunkan harga Internet jalur lebar manakala syarikat-syarikat lain yang belum menurunkan harga akan berbuat demikian sebelum penghujung Jun 2015.

Kadar langganan yang dikenakan oleh pemberi perkhidmatan mudah alih adalah berdasarkan jumlah kuota data dan tidak lagi mengikut kelajuan internet. Setiap pakej langganan adalah tertakluk kepada syarat dan terma kontrak masing-masing. Oleh itu, adalah wajar untuk pengguna jalur lebar yang sedia ada menyemak dengan pemberi perkhidmatan bagaimana mereka boleh menikmati pakej penurunan harga jalur lebar tanpa perlu membuat permohonan baru.